



Rujukan : UMS/PPI1.3.2/800-4/1

Tarikh : 17 Julai 2023

## SENARAI EDARAN SEPERTI DILAMPIRAN

YBrs. Datuk./Prof./Dr./Tuan/Puan.,

### MAKLUMAN DARIPADA KPT: LARANGAN MENGGUNAKAN DANA KERAJAAN UNTUK MENERBITKAN DALAM TIGA PENERBIT ANTARABANGSA

- i. Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS)
- ii. Skim Geran Penyelidikan Prototaip (PRGS)
- iii. Skim Geran Penyelidikan Strategik Translation Research (TR@M)
- iv. Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan (KKP)
- v. Geran Kolaborasi Penyelidikan (GKP)
- vi. Semua Geran Tajaan Kerajaan
- vii. Semua Geran Dalam UMS

Dengan segala hormat surat daripada pihak JPT no. Rujukan: JPT.S(BPKI)2000/018 Jld. 10 (39) bertarikh **13 Julai 2023** berhubung perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman pihak YBrs. Datuk./Prof./Dr./Tuan/Puan, pihak Kementerian amat memandang serius tentang aspek integriti dan kewibawaan akademik dalam aktiviti penyelidikan dan penerbitan.

3. Justeru itu, pihak Kementerian tidak membenarkan Universiti Awam menggunakan **peruntukan dana Kerajaan** untuk sebarang penerbitan yang diterbitkan oleh tiga (3) penerbit iaitu **Hindawi, Frontier dan MDPI** berkuat kuasa serta merta. Pihak RMC menasihatkan agar setiap F/A/P/I dapat memainkan peranan dalam memantau isu-isu berkaitan kualiti penerbitan dengan lebih teliti pada masa yang akan datang.

4. Kerjasama dan perhatian pihak YBrs. Datuk./Prof./Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**PROFESOR. DR. JUMAT BIN SULAIMAN**

Pengarah

Pusat Pengurusan Penyelidikan

s.k.; ~ Timbalan Naib Canselor (P&I)  
~ Timbalan Pengarah I, PPP  
~ Timbalan Pengarah, Operasi, PPP  
~ Fail

/nmy